

13/02/2001

Seameo perlu tangani cabaran secara bersama

PERTUBUHAN Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (Seameo) perlu memberi perhatian khusus kepada isu berkaitan kemudahan mendapatkan pendidikan dan menyelidikan selain cabaran globalisasi bagi memastikan pembangunan pendidikan secara mapan dicapai.

Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad berkata, cabaran yang dihadapi pertubuhan berkenaan perlu ditangani bersama bagi manfaat penduduk serantau dalam menghadapi globalisasi.

"Kuasa globalisasi dan liberalisasi pada abad ke-21 sekarang dijangka memberi cabaran dan kesan kepada bangsa, agama, bahasa dan budaya penduduk Asia Tenggara," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (Seameo) yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Hotel Pan Pacific di sini hari ini.

Lebih 100 anggota perwakilan 10 negara anggota Asean dan anggota bersekutu dari Australia, New Zealand, Perancis, Jerman dan Jepun hadir pada persidangan tiga hari berakhir Rabu ini.

Musa berkata, penduduk negara anggota Seameo perlu mempunyai kemudahan yang mencukupi bagi mendapat pendidikan teknikal dan vokasional, pendidikan jarak jauh, latihan dan pembangunan penyelidikan bagi memastikan sektor pendidikan di negara terbabit dan rantau Asia Tenggara tidak ketinggalan.

"Seameo kini mempunyai 14 pusat serantau bagi mengembangkan pelbagai bidang termasuk sains, matematik, pertanian, bahasa, arkeologi dan perubatan tropika di kalangan penduduk Asia Tenggara.

"Kita berharap pusat itu dapat ditingkatkan kemampuannya dengan bantuan negara penderma (anggota bersekutu Seameo) supaya lebih berkesan dan bermanfaat kepada negara anggota," katanya.

Sementara itu, ketika menerima pelantikan sebagai Presiden Majlis Persidangan Seameo daripada bekas presiden yang juga Menteri Pendidikan dan Kebudayaan, Indonesia, Dr Yahya Muhaimin, Musa berkata, perbezaan sistem pendidikan di kalangan negara anggota tidak menghalang ahli persidangan untuk mencari jalan menghadapi cabaran abad baru sekarang.

Sementara itu, Laporan Tahunan Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (Seameo) 1999/2000 yang dikeluarkan semalam menunjukkan pertubuhan berkenaan mampu mencapai kejayaan walaupun negara anggota menghadapi kemelut ekonomi serantau bermula 1997.

Bekas Presiden Seameo yang juga Menteri Pendidikan Indonesia, Yahya A Muhaimin dalam perutusan laporan tahunan itu berkata, kejayaan itu hasil kerjasama negara anggota yang berusaha memastikan kemelut itu tidak menjejaskan pembangunan pendidikan, sains dan kebudayaan penduduk Asia Tenggara.

(END)